



Nelayan
memanfaatkan
masa terluang
dengan
membalik
pukat.

Nelayan ambil peluang cuaca buruk

MARANG - Keadaan angin kencang dan laut bergelora di perairan Terengganu yang diramalkan Jabatan Meteorologi Malaysia bermula Isnin hingga Jumaat ini menyebabkan nelayan bimbang untuk ke laut.

Walaupun keadaan itu menyebabkan mereka yang bergantung kepada hasil laut terputus sumber pendapatan, namun masa terluang dimanfaatkan sepenuhnya untuk membaiki pukat.

Tinjauan Sinar Harian di kawasan nelayan sekitar daerah ini termasuk di Chendering, Kuala Terengganu mendapati nelayan saling bantu membantu membaiki kerosakan peralatan masing-masing semalam.

Seorang juragan, Jusoh Salleh, 70,

berkata, selain keadaan laut tidak selamat, cuaca sejuk dan panas yang berlarutan juga menyebabkan ikan tidak banyak.

"Seperti biasa apabila tidak turun ke laut, saya dan 'awok-awok' akan menaikkan pukat dan jahit mana yang rosak. Sebab kita tidak dapat menolak kedatangan tengkujuh kerana sudah sampai waktunya."

"Tetapi sebagai nelayan, walaupun ada bahaya, selagi kita berdaya kita turun. Namun minggu ini keadaan laut agak bergelora menyebabkan kami ambil keputusan berehat sementara," katanya.

Menurut Jabatan Meteorologi, angin kencang timur laut berkelajuan antara 40 dan 50 kmsj dengan ketinggian ombak sehingga 3.5 meter berbahaya kepada bot-bot kecil.